

Dr. Mahathir ingatkan ahli2 UMNO sentiasa waspada

84

PAS GIAT PECAH MELAYU

KUALA LUMPUR 30 April -- Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya sentiasa berwaspada terhadap usaha Parti PAS yang sedang giat dijalankan untuk memecahbelahkan orang-orang Melayu.

Di kawasan Kuala Lumpur Bandar, kata beliau, PAS sedang berusaha supaya orang-orang Melayu tidak memberikan undi mereka kepada calon Barisan Nasional untuk membolehkan DAP mencapai kemenangan dalam pilihanraya akan datang.

Beliau menarik perhatian bahawa sungguhpun orang-orang Melayu merupakan golongan minoriti dalam kawasan pilihanraya tersebut, namun undi mereka boleh menjadi kuasa penentu kerana kaum-kaum lain juga berpecah-belah.

Serentak dengan itu Dr. Mahathir memberi amaran bahawa kalau UMNO kalah kali ini, "kite tidak ada peluang lagi."

Berucap merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Kuala Lumpur Bandar di sini petang ini, beliau juga mendedahkan tentang ugutan-ugutan yang mengancam akan mengalahkan UMNO jika kehendak-kehendak pihak tertentu tidak dilayani.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, PAS amat suka melihat UMNO pecah dan untuk memenuhi hasrat mereka itu, mereka sanggup berpakat dengan DAP.

Tak bertanding

Katanya, adalah tidak mungkin bagi Barisan Nasional meletakkan calon Melayu dalam kawasan Kuala Lumpur Bandar, dan begitu juga beliau percaya PAS sendiri tidak akan bertanding.

Beliau membidas PAS kerana semata-mata tidak mahu melihat Barisan menang, ia sanggup membantu DAP sungguhpun ia sendiri tidak akan bertanding.

Dr. Mahathir menjelaskan, walaupun calon Barisan tidak dapat meletakkan calon UMNO dalam

kawasan tersebut, tetapi calon yang bakal diletakkan itu adalah "calon yang bersimpati dengan kita."

"DAP tidak bersimpati dengan kita, tidak ada sebab kita sanggup lihat DAP menang," ujar beliau.

Di Kuala Lumpur, katanya, kekalahan calon Barisan Nasional adalah kekalahan orang yang bersimpati dengan UMNO.

Dr. Mahathir juga mengingatkan tentang strategi pilihanraya antara PAS dengan DAP seperti di Perak.

"Saya pernah lihat orang-orang PAS dan DAP berbincang di Parlimen dan mereka bekerjasama di Dewan Rakyat mengenai Kelantan dulu."

Dengan itu, katanya, adalah tidak menghairankan jika mereka itu bekerjasama dalam pilihanraya akan datang nanti.

Dengan pakatan ini, katanya, PAS telah menunjukkan bahawa mereka tidak jujur dan selalu bercakap bohong sungguhpun sebagai sebuah parti yang memperjuangkan perjuangannya menerusi luno-luno Islam.

"Sebab itulah mereka tidak menyahut cabaran saya mengenai buku saya itu," tegas beliau.

Tentang ugutan-ugutan yang diterimanya, Dr. Mahathir berkata, ini adalah perkara biasa yang berlaku setiap kali pilihanraya menjelang oleh mereka yang mementingkan diri sendiri.

Bagaimanapun, tegasnya, perkara ini akan berlalu dengan begitu sahaja kerana UMNO tidak berjuang untuk kepentingan perseorangan.

Ugutan-ugutan tersebut, menurut beliau, membuat berbagai permintaan yang kalau tidak dipenuhi, golongan itu akan mengalahkan UMNO.

LIHAT MUKA 16
(Ruangan 4)

DARI MUKA 1

"Sebagai seorang yang pernah kalah, saya sedar bagaimana senang seseorang boleh dikalahkan. Tapi kita harus fikir apakah kesan yang kita nikmati dengan mengalahkan calon UMNO itu," tegasnya.

"Kalau kerana tidak puas hati tentang sesuatu kita mahu kalahkan UMNO, kita tidak akan mendapat kebahagiaan," tambahnya.

Di Bagan Serai Timbalan Perdana Menteri itu mengumumkan, dua pilihanraya penting mungkin diadakan pada tahun ini dan satu darinya telah ditetapkan pada 22 Jun.

Berucap merasmikan mesyuarat agung perwakilan UMNO Bahagian Bagan Serai di Dewan Sekolah Menengah Inggeris di sini pagi tadi, Dr. Mahathir mengumumkan kedua-dua pilihanraya itu adalah sangat penting kepada UMNO.

Yang penting, katanya, pilihanraya umum dan yang kurang penting tetapi penting kepada UMNO telah ditentukan pada 22 Jun untuk menentukan pemilihan pemimpin-pemimpin UMNO.